

TADBIR URUS WAKAF KORPORAT DI MALAYSIA: MENGENAL PASTI PENINGKATAN KEYAKINAN WAQIF TERHADAP AMALAN BERWAKAF

CORPORATE WAQF GOVERNANCE IN MALAYSIA: IDENTIFYING THE INCREASE IN WAQIF'S CONFIDENCE IN WAQF PRACTICE

Muhamad Hazrin Sayuti¹
Zakaria Bahari²

¹Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,
(E-mail: hazrin.sayuti@yahoo.com)

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia
(Email: bzak@usm.my)

Article history

Received date : 10-5-2020
Revised date : 11-5-2020
Accepted date : 10-9-2020
Published date : 1-10-2020

To cite this document:

Sayuti, M.H., & Bahari, Z. (2020). Tadbir Urus Wakaf di Malaysia: Mengenal pasti Peningkatan Keyakinan Waqif Terhadap Amalan Berwakaf. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(31), 50 - 63.

Abstract: *Wakaf merupakan instrumen kewangan sosial yang berupaya memperkasakan kebajikan masyarakat dalam pelbagai aspek. Seiring dengan peredaran zaman, wakaf kini dilihat sebagai salah satu agenda penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Oleh itu, pengurusan institusi wakaf di Malaysia memerlukan tadbir urus yang cekap demi memastikan pelaksanaan wakaf yang telus dan amanah. Berdasarkan kepada statistik, sebanyak lebih 11 ribu hektar tanah wakaf terbiar dan tergendala yang merangkumi wakaf am dan wakaf khas. Selain itu, trend kutipan dana wakaf tunai juga tidak meningkat secara konsisten dari tahun ke tahun. Oleh itu, adalah menjadi keperluan pengkaji untuk mengenal pasti peningkatan keyakinan waqif terhadap amalan berwakaf melalui aspek tadbir urus wakaf korporat yang cekap. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan tadbir urus institusi wakaf dan kesan terhadap tahap keyakinan waqif. Hasil analisis menunjukkan amalan wakaf korporat yang berkesan perlu mengetengahkan dua prinsip iaitu prinsip integriti dan prinsip akauntabiliti. Seterusnya, terdapat juga elemen-elemen yang penting dalam memastikan peningkatan keyakinan waqif dalam berwakaf seperti perakaunan, pelaporan kewangan, kawalan dalaman, gerak kerja proaktif dan inovatif serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Kesannya, ia berupaya meningkatkan jumlah kutipan wakaf dari amsa ke semasa.*

Kata kunci: *Tadbir Urus, Wakaf Korporat, Keyakinan, Waqif*

Abstract: *Waqf is an instrument of social finance that can empower the community's welfare in various aspects. Along with time, waqf is now seen as one of the important agenda in the development of Muslim's economy. Hence, waqf institution management in Malaysia needed efficient governance to have transparent and trusted waqf implementations. Based on statistics, more than 11 thousand hectares of waqf land is abandoned and left idle which includes general waqf and special waqf. Thus, it has become the researcher's needs to identify the increase in waqif's confidence towards waqf practice through efficient corporate waqf governance aspect. This research is done using qualitative method by analysing documents related to waqf institution governance and the effects to waqif's confidence level. Results of the analysis shows that effective corporate waqf needs to highlight two principles that is integrity principal and accountability principal. Next, there are also important elements in making sure the increase of waqif's confidence in waqf like accounting, financial report, internal control, proactive and innovative work movements and the effectiveness of the delivery system service. With this result, it is able to increase the amount of waqf donations from time to time.*

Keyword: *Governance, Corporate Waqf, KConfidence, Waqif*

Pendahuluan

Amalan wakaf telah diterima dalam masyarakat Islam di Malaysia yang dapat dibahagikan perkembangannya kepada dua peringkat (Alhabshi, 1991). Peringkat pertama iaitu sebelum tahun 1950 di mana ketika ini urusan wakaf ditadbir oleh ketua-ketua komuniti seperti kadi, imam, bilal dan penghulu (Muhammad Zain, 1982 & Baharuddin Sayin, 1994). Pada ketika ini juga, pengurusan wakaf hanya memegang amanah daripada pengamanah tanpa sokongan daripada dokumen sehingga menyebabkan pelbagai permasalahan timbul termasuk harta-harta wakaf yang hilang. Keadaan sedemikian berlarutan sehinggalah masuk kepada peringkat kedua iaitu ketika selepas tahun 1958. Pada peringkat ini telah tertubuhnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pengurusan wakaf juga ditambahbaik dengan memperkenalkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri di Malaysia yang memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua jenis harta wakaf (Mustafa Hj Daud, 1991 & Siti Mashitoh, 2006). Selain itu, peranan MAIN juga termasuklah hal berkaitan kegunaan dan pemilikan harta wakaf. Meskipun sedemikian, Warta Persekutuan masih diperlukan untuk setiap aktiviti dan aset wakaf yang dikendalikan oleh MAIN (Nuarrual Hilal Md. Dahlan & Abdul Rani Kamarudin, 2016).

Umum mengetahui institusi wakaf merupakan sebuah bukan berasaskan keuntungan (NPO). Meskipun sedemikian, institusi wakaf tidak terkecuali dalam memastikan pengurusan operasi seperti yang dijalankan oleh organisasi yang berasaskan keuntungan. Perkara ini disebabkan, setiap organisasi yang ditubuhkan mempunyai matlamat tersendiri termasuklah institusi wakaf di mana insituti wakaf memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan kelestarian harta wakaf (Nazrul Hazizi Noordin, Siti Nurah Haron & Salina Kassim, 2016). Selain itu, institusi wakaf juga telah diiktiraf secara meluas sebagai salah satu institusi sektor ketiga¹ yang paling penting dalam sejarah Islam sejak beberapa dekad lalu yang telah menempa pelbagai

¹ Danish (1995) menyatakan dalam sektor ketiga dianggap sebagai tabung amanah yang 'umum' atau 'amal', kerana menurut beliau, ia bertujuan untuk berkhidmat kepada orang awam dan direka untuk benefisiari kepada orang awam yang sah di sisi undang-undang.

kejayaan daripada pelaksanaan ini (Mohd Nahar Mohd Arshad & Mohamed Aslam Mohamed Haneef, 2016).

Pernyataan Masalah

Menurut Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri (JAWHAR) (2013), terdapat 11091.82 hektar tanah wakaf di Malaysia. Sejumlah 6225.32 hektar tanah telah dikategorikan sebagai wakaf khas sementara 4836.50 hektar tanah telah dikategorikan sebagai wakaf umum. Kesemua keluasan tanah wakaf ini membawa kepada jumlah RM 1,177,084,449.59. Pecahan keluasan tanah wakaf mengikut negeri dan jenis-jenis wakaf dapat dilihat dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Pecahan Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Negeri Dan Jenis-Jenis Wakaf

Negeri	Keluasan Tanah Wakaf (Hektar)		Jumlah Keluasan (Hektar)	Nilai Tanah Wakaf (RM)
	Am	Khas		
Johor	1,442.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00
Kedah	158.62	1,086.25	1,224.88	1,997.00
Kelantan	16.01	157.63	173.65	56,703,373.00
Melaka	11.65	21.60	33.25	66.50*
Negeri Sembilan	1.01	14.49	15.50	36.00*
Pahang	0.00	723.82	723.82	18,000,000.00
Perak	116.12	0.00	116.12	383.00*
Perlis	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00
Sabah	2,062.88	32.07	2,094.95	98.00*
Sarawak	6.86	4.04	10.90	1,416,781.90
Selangor	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00
Terengganu	581.66	1,878.58	2,460.24	42,623,196.19
Wilayah Persekutuan	0.49	1.59	2.08	16.00
Jumlah	4,836.50	6,255.32	11,091.82	1,177,084,449.59

(*sehingga kini tidak dapat dipastikan sebab nilai yang rendah).

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2013).

Pengurusan yang cekap dan efisien ke atas tanah wakaf tersebut mampu menjana pendapatan yang tinggi untuk pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Akan tetapi, institusi wakaf di Malaysia tidak menggunakan peluang dan ruang sedia ada dengan memainkan peranan yang dinamik dalam memperkasakan pembangunan tanah wakaf dan ekonomi Islam.

Menurut Maznah, Mohamat Sabri dan Radziah (2014), terdapat 92.9 peratus tanah wakaf di Malaysia masih tidak dibangunkan dengan sepenuhnya. Peratusan besar tanah wakaf yang masih tidak diusahakan menjadi kekangan kepada penambahbaikan taraf ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Umpamanya, tahun 2015 menunjukkan nilai hartanah wakaf dianggarkan mencecah RM 4 billion. Sekiranya pelaburan ini dibuat dalam membangunkan tanah wakaf secara puratanya akan memberi kadar pulangan tahunan sebanyak 20 peratus hingga 25 peratus (Syed Khalid Rashid, 2012). Oleh itu, pelaburan awal yang dibuat mampu memberikan pulangan dalam jangka masa empat hingga lima tahun. Seandainya sumber tanah wakaf ini berjaya diusahakan, Malaysia akan memperolehi hasil pendapatan yang tinggi dan ini mampu menggunakan keuntungan tersebut untuk tujuan-tujuan tertentu.

Antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya permasalahan tersebut ialah kekangan tenaga profesional sebagai salah satu sumber manusia dalam menggerakkan perkembangan tanah wakaf dan segala urusan berkaitan dengan wakaf (Anan C. Mohd, 2015). Perkara ini melibatkan kecekapan sumber manusia dalam pengurusan wakaf seterusnya menyentuh isu berkaitan tadbir urus dalam pengurusan wakaf di Malaysia. Kepentingan kajian ini adalah untuk membantu institusi wakaf bagi menambah baik pengurusan wakaf mereka dengan mengambil kira aspek tadbir urus.

Isu seterusnya adalah berdasarkan penelitian daripada sejarah yang mendapati bahawa wakaf pernah menempa kejayaan yang besar ketika zaman kerajaan *Uthmaniyyat* (Cizakca, 1998). Walau bagaimanapun, terdapat usaha dalam mengembalikan kegemilangan institusi wakaf pada zaman moden ini Cajee (2008), akan tetapi ia masih gagal memperlihatkan perkembangan wakaf yang signifikan faktor daripada kekurangan sumbangan daripada *waqif* (Norman Hamdan, Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, & Asmaddy Haris, 2013). Malah, data daripada kajian Mohammad Zulfakhairi Mokhtar (2016a), memperlihatkan trend kutipan dana wakaf tunai di Pulau Pinang tidak meningkat secara konsisten dari tahun ke tahun.

Perkara ini sebenarnya jika melihat kajian daripada Sharina Romli (2018), adalah berpunca daripada kekangan bidangkuasa MAIN. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh beliau berkaitan dengan kutipan dana wakaf di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) misalnya hanya memberikan keizinan bagi pihak KUIM untuk menjalankan kutipan dana wakaf di sekitar daerah Kuala Sungai Baru bagi tempoh enam bulan sahaja dan tidak boleh melepasi had kadar persekitaran yang dibenarkan oleh pihak MAIM bagi mengutip dana wakaf.

Isu-isu sedemikian perlu diberi penekanan dalam memastikan tadbir urus yang diamalkan lebih kemas dan sistematik. Perkara ini akan memberi ruang kepada *waqif* untuk mempertingkatkan lagi keyakinan dalam amalan berwakaf sekali gus, jumlah sumbangan wakaf memperolehi pertambahan yang signifikan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal peningkatan keyakinan *waqif* dalam amalan berwakaf melalui aspek tadbir urus wakaf korporat yang cekap.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian melalui pendekatan kualitatif bertujuan untuk memahami secara mendalam terhadap fenomena berkaitan persoalan kajian. Selanjutnya, Merriam (2002), dan Patton (2002), menegaskan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara holistik pengalaman manusia dalam sesuatu konteks. Seterusnya, kesemua data dikumpulkan daripada laman sesawang juga diperolehi seperti laman sesawang daripada agensi berkaitan wakaf, majlis fatwa, buku-buku atas talian, jurnal dan artikel atas talian, perpustakaan universiti dalam dan luar negara akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Kajian Literatur

Terdapat lima sub-perbincangan yang akan dibincangkan secara khusus iaitu tadbir urus wakaf di Malaysia, tadbir urus wakaf korporat di Malaysia dan elemen tadbir urus wakaf korporat bagi meningkatkan keyakinan *waqif*.

Tadbir Urus Wakaf di Malaysia

Tadbir urus mengikut istilah Arab bermaksud *al-hakimiya*. Istilah ini bererti mengenal pasti tahap sosial yang lebih tinggi yang meliputi kesemua struktur pengambilan keputusan dan kuasa yang perlu dipertanggungjawabkan (Khatab, 2012). Tadbir urus yang baik membolehkan sesebuah organisasi bergerak dengan lebih cekap. Islam menegaskan keadilan sebagai kesaksamaan, tidak berlaku diskriminasi bagi memastikan keseimbangan dan keharmonian dalam setiap aspek kehidupan. Hal ini boleh dilihat secara jelas daripada surah di dalam al-Qur'an dan Allah SWT berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

(Surah an-Nisaa' 4:135)

Ibn Kathir (1992), mentafsirkan ayat tersebut dengan menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya yang beriman untuk menjadi penegak keadilan, tidak cenderung ke kanan dan ke kiri, tidak takut celaan apapun kerana Allah SWT tidak dapat dipalingkan pihak manapun. Serta diperintahkan untuk menjadi orang-orang yang saling tolong-menolong, bantu-membantu, dukung-mendukung dan bahu-membahu.

Menurut Dhaka Courier (2011), yang melihat dalam aspek kepimpinan sebagai cara untuk bertindak adil dan saksama. Oleh sebab itu, pentingnya dasar-dasar baru yang dikenakan ke atas organisasi Islam seperti dasar kepentingan umum (*al-masalih al-mursalah*), sama ada kepada organisasi bermotifkan keuntungan atau bukan keuntungan selagi berada pada landasan syariah dan mampu memberi kesejahteraan serta kebaikan kepada masyarakat.

Di Malaysia, tadbir urus institusi wakaf terikat di bawah kuasa MAIN yang termaktub dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Haszliza Talib, Nazneen Ismail dan Nurzatil Ismah Azizan, 2014) di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang berlainan. MAIN berperanan sebagai pemegang amanah tunggal bagi kesemua harta wakaf. Meskipun sedemikian, institusi ini tidak berkuasa secara mutlak dalam perkara menjalankan fungsi mereka sebagai pemantau dan penyelaras perancangan (Zulkifli Hasan & Muhammad Najib Abdullah, 2008). Pertukaran kuasa pemegang amanah kepada badan berautoriti dapat dilihat di beberapa buah negeri yang melantik badan khas bagi menguruskan wakaf seperti penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi Majlis Agama Islam Selangor, Waqaf An-Nur Johor Corporation Berhad (WANCorp), bagi Majlis Agama Islam Johor, yang masih dipantau oleh MAIN (Siti Sarah Ibrahim, Abd Halim Mohd Noor, Sharfizie Mohd Shariff dan Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli, 2016).

Kajian lepas berkaitan tadbir urus di Malaysia sangat sinonim dengan permasalahan tadbir urus wakaf. Terdapat pelbagai perbincangan berkaitan dengan perkara ini. Kajian menunjukkan bahawa kekurangan peruntukan undang-undang, sistem informasi yang lemah (Mohammad Tahir, 2008), pekerja yang kurang latihan (Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa & Norhidayah Ali, 2012) dan sumber kewangan yang tidak mencukupi (Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Muhammad dan Aiman Fadzil, 2015 & Aminah Mohsin dan Mohammad Tahir Sabit Hj Mohammad, 2015) antara kekangan paling besar dalam membangunkan harta wakaf. Kajian yang dianggap sebagai pengalaman pengurusan wakaf di Malaysia oleh Sohaimi dan Syarqawi (2008) mendapati isu-isu kakitangan adalah cabaran yang paling kritikal dihadapi oleh MAIN. Mereka melaporkan bahawa bukan sahaja MAIN menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang tiada pengetahuan yang perlu dalam menguruskan wakaf, MAIN juga dibebankan dengan tanggungjawab-tanggungjawab lain seperti pengumpulan dan pengedaran zakat, urusan-urusan Baitulmal, dan perkara-perkara keagamaan yang lain.

Kajian lain seperti Noor Aimi Mohd Puad, Nurauliani Jamlus Rafdi dan Wan Shahdila Shah Shahar (2014), yang menjadikan MAIS sebagai kajian kes. Kajian mereka berjaya membuktikan bahawa masih wujud isu pengurusan sumber manusia yang mana berlaku ketidakseimbangan pekerja dalam menguruskan harta wakaf. Tambahan lagi, masalah ini timbul disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dan kekurangan kepakaran teknikal. Maka, beban kerja akan tertumpu ke atas pekerja sedia ada dalam menguruskan wakaf. Saleem (2010), juga menyatakan dalam kajiannya selain daripada berakhlak baik, aspek kemahiran dalam pengurusan dan pembangunan oleh *mutawalli* juga adalah penting bagi mengelakkan salah urus harta wakaf. Perkara ini disebabkan, situasi ketidaktelusan dalam MAIN secara keseluruhan telah menyebabkan kegagalan dalam meyakinkan masyarakat terhadap institusi wakaf (Dalila Daud, Rashidah Abdul Rahman & Zaluddin Sulaiman, 2011).

Tambahan pula, interpretasi sempit oleh orang awam yang mengakibatkan fikiran berat sebelah terhadap wakaf khas dan kebiasaannya pemahaman wakaf lebih cenderung kepada ritual keagamaan khusus yang menghalang pembangunan institusi wakaf (Razali Othman, 2001). Perkara ini disokong melalui kajian Abul Hasan dan Mohammad Abdus Shahid (2010). Mereka menyatakan penumpuan kepada aktiviti Islami juga telah mendorong kepada wujudnya batas dalam membangunkan tanah wakaf. Ditambah pula pemahaman yang kurang jelas sama ada dalam kalangan masyarakat mahu pun *mutawalli* (Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa &

Norhidayah Ali, 2012). Kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran dalam institusi wakaf ini sememangnya memberi kesan terhadap harta wakaf sedia ada sekali gus menimbulkan pelbagai isu yang lebih mustahak iaitu berkurangnya keyakinan *waqif* terhadap amalan berwakaf.

Tadbir Urus Wakaf Korporat di Malaysia

Menyedari permasalahan utama yang wujud seperti pengurusan yang lemah, masalah akauntabiliti maka, tadbir urus wakaf kini perlu ditransformasikan dengan mengamalkan tadbir urus secara korporat (Dahlia Ibrahim & Haslindar Ibrahim, 2013). Menurut Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil (2013a) dan AWQAF (2017), konsep wakaf korporat melibatkan penubuhan dan pengurusan aset wakaf alih oleh entiti korporat serta penyaluran manfaat. Menurut Muhamad Hazrin Sayuti (2018) pula, penglibatan aktif entiti korporat dalam menguruskan wakaf telah membawa kepada dimensi yang lebih baik. Perkara ini disebabkan pelaksanaan wakaf korporat dapat memastikan pengurusan dan penyaluran manfaat wakaf kepada *mawquf 'alayh* yang lebih berkesan dan sistematik.

Di Malaysia, inisiatif untuk membangunkan wakaf korporat telah menjadi satu agenda nasional bagi mempertingkatkan sosioekonomi masyarakat Islam. Ini dapat dilihat melalui beberapa strategi yang telah digariskan di dalam Bajet 2013 seperti penubuhan entiti wakaf korporat di peringkat nasional dan juga mandat yang diberikan kepada JAWHAR untuk menyediakan pelan asas pembangunan wakaf korporat (MOF, 2012). Menerusi RMK-10, sebanyak 68 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal dirancang di atas tanah wakaf dengan peruntukan sebanyak RM1896.75 juta sebagaimana permohonan MAIN. Perkembangan positif ini meyakinkan kerajaan untuk memperuntukkan RM20 juta dalam bajet 2010 kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) untuk program yang dapat mengurangkan jurang kemiskinan melalui pembinaan 66 unit Bazar Wakaf Mart dan 3 unit Bazar Rakyat. Keadaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup peniaga malah, peluang perniagaan turut bertambah (Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed, 2011).

Elemen Tadbir Urus Wakaf Korporat Bagi Meningkatkan Keyakinan *Waqif*

Transformasi pengurusan wakaf korporat ini telah membawa dimensi baru ke dalam tadbir urus wakaf semasa. Berdasarkan Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil (2013b), mengenai laporan geran penyelidikan mereka di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menegaskan bahawa pengurusan wakaf korporat mempunyai ciri-ciri tersendiri. Seiring dengan pembaharuan semula institusi wakaf, maka bentuk pengurusan wakaf yang telus perlu diberi perhatian khusus bagi meningkatkan keyakinan *waqif*.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian tingkah laku berwakaf, dapatan kajian seperti Syadiyah Abdul Shukor, Intan Fatimah Anwar, Sumaiyah Abdul Aziz dan Hisham Sabri (2017) dan Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Muhammad dan Aiman Fadzil (2015) terhadap kecenderungan *waqif* mewakafkan wang tunai mendapati faktor keyakinan memainkan peranan yang penting. Antara kajian lain yang telah membincangkan isu keyakinan (Gaudiosi, 1998; Maliah Sulaiman, Mohd Akhyar Adnan & Putri Nor Suad Megat Mohd Nor, 2009; Stibbard, Russell, & Bromley, 2012) yang menegaskan bahawa perlu untuk kekal hubungan keyakinan bagi memastikan kemampuan institusi wakaf. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh kajian Dhanani dan Connolly (2012); Sargeant dan Woodliffe (2007) dan Torres-Moraga, Pina, Vasques-Parraga dan Barra (2010), yang menegaskan kepentingan keyakinan untuk

kelestarian bagi satu-satu institusi. Oleh kerana perlu memastikan keyakinan *waqif* terus kekal relevan, maka perkara asas harus diperkasakan adalah tadbir urus institusi wakaf.

Menyedari kepentingan ini, maka berdasarkan sorotan karya lepas mendapati beberapa prinsip tadbir urus wakaf yang dapat mengukuhkan keyakinan *waqif* dalam amalan berwakaf. Kajian Muhammad Yousof Jamil (2015), mendapatai bahawa prinsip integriti merupakan perkara teras bagi suatu kecekapan dan boleh diukur melalui perbuatan (Nooraini Othman, 2008). Malah, daripada integriti juga boleh membawa kepada persepsi masyarakat sama ada seseorang pemegang amanah mematuhi peraturan-peraturan tertentu yang dapat diterima oleh masyarakat (Snip, 2011). Oleh yang demikian, prinsip integriti dinilai berdasarkan reputasi, konsisten terhadap suatu tindakan yang selari dengan apa yang ingin dicapai oleh pemegang amanah sekali gus memberi kesan positif atau sebaliknya oleh *waqif* untuk berwakaf atau pun sebaliknya (Fuadah Johari, Nursila Ahmad, Mohammad Haji Alias, Syadiyah Abdul Shukor, Kalsom Abd Wahab, Muhammad Ridhwan Ab. Azizi, Zurina Kefeli @ Zulkefli, Fauzi Abu Hussin & Patmawati Ibrahim, 2018).

Bagi memenuhi tuntutan prinsip integriti yang cekap, maka prinsip seterusnya perlu bergerak selari iaitu prinsip akauntabiliti. Menurut Nazrul Hazizi Noordin, Siti Nurah Haron dan Salina Kassim (2017), Rosnia Masruki dan Zurina Shafii (2013) dan Shahul (2000), prinsip akauntabiliti dari perspektif Islam merupakan dwi-akauntabiliti yang berkait rapat dengan konsep amanah dan khalifah. Ini menjelaskan bahawa prinsip akauntabiliti Islam mempunyai dua peringkat. Peringkat pertama terletak pada hubungan manusia dengan Allah SWT dan peringkat kedua antara sesama manusia berdasarkan suatu perjanjian yang dipersetujui (Maliah Sulaiman, Mohd Akhyar Adnan & Putri Nor Suad Megat Mohd Nor, 2009). Prinsip akauntabiliti sedemikian amat bersesuaian dilaksanakan di institusi wakaf kerana wakaf bukan sahaja hal berkaitan agama malah merangkumi kepentingan masyarakat Islam.

Maka, antara cara terbaik *mutawalli* melaksanakan prinsip akauntabiliti adalah melalui pendekatan daripada elemen pelaksana iaitu kaedah perakaunan dan pelaporan yang sempurna (Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan & Radziah Abdul Latiff, 2014). Menurut Siti Alawiah Siraj dan Yusuf Karbhari (2014), perkara ini penting kerana segala perakaunan dan pelaporan dilakukan merupakan ibadah yang akan dinilai dan disoal pada hari akhirat oleh Allah SWT. Kaedah sedemikian dalam institusi wakaf bukanlah perkara baru. Perkara ini berdasarkan kajian Yayla (2011) dan Toraman, Tuncsiper dan Yilmaz (2007), mendapati ketika zaman kerajaan *Uthmaniyyat* telah membuktikan kewujudan terhadap amalan pengiraan buku kira-kira wakaf tunai. Selain itu, prestasi *mutawalli* ketika itu juga akan dinilai oleh pesuruhjaya Sultan (Yayla, 2011). Akhirnya dengan pemerkasaan pelaksanaan prinsip akauntabiliti Islam, tadbir urus wakaf akan menjadi lebih berkesan. Perkara ini memandangkan institusi wakaf perlu untuk mengukuhkan hubungan yang positif antara *mutawalli* dengan *waqif* dengan membawa imej yang telus (Aliza Ramli, Fadzlina Fahmi, Faizah Darus & Nurlida Ismail, 2018).

Elemen pelaksana seterusnya bagi meningkatkan keyakinan *waqif* adalah kawalan dalaman. Menurut Muhammad Iqmal Hisham dan Nathasa Mazna Ramli (2015), kawalan dalaman adalah mustahak untuk mendorong sesebuah NPO beroperasi dengan baik termasuklah di institusi wakaf. Disebabkan sokongan penderma adalah perkara utama bagi setiap NPO maka berdasarkan kajian Petrovits, Shakespeare, dan Shih (2011) menyatakan bahawa dengan

amalan kawalan dalaman yang baik dapat mengatasi masalah kekurangan sokongan masyarakat untuk menderma. Selain itu, kajian oleh Doyle, Ge dan Mcvay (2007) melihat kawalan dalaman sebagai cara mencegah dan mengesan sebarang kemungkinan kesalahan di penyata dan laporan kewangan di satu-satu organisasi. Tambahan lagi, menurut Maliah Sulaiman, Siti Alawiah Siraj dan Shahul Hameed Mohamed Ibrahim (2008) menyatakan bahawa kawalan dalaman yang baik dapat membantu dalam penggunaan dana sumbangan dengan telus dan berkesan sekali gus, memberi jaminan kepada masyarakat terutama penderma. Oleh yang demikian, hasil kajian Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed dan Nazifah Mustaffha (2017) yang menyarankan institusi wakaf untuk mempertingkatkan lagi mutu kawalan dalaman. Pelaksanaan sedemikian secara tidak langsung akan meningkatkan tanggapan positif *waqif* terhadap pengurusan dana oleh NPO seperti di institusi wakaf.

Seterusnya merupakan elemen proaktif dan inovatif. Perkara ini penting bagi mempamerkan kesungguhan *mutawalli* dalam tadbir urus bagi mengekalkan keyakinan *waqif* dalam amalan wakaf. Oleh yang demikian, terdapat beberapa kaedah yang berkesan untuk mengukuhkan elemen ini antaranya melalui hasil kajian daripada Fuadah Johari et al., (2018) menunjukkan antara faktor masyarakat berwakaf adalah disebabkan kemudahan akses kepada wakaf tunai. Oleh yang demikian, *mutawalli* harus lebih kreatif untuk mempelbagaikan saluran wakaf mengikut landasan syarak.

Kajian lain seperti Mohamad Zulfakhairi Mokhtar (2016b) pula, mendapati aspek penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) daripada institusi wakaf adalah merupakan di antara faktor pendorong kepada staf di Universiti Sains Malaysia terlibat dalam aktiviti wakaf tunai. Selain itu, kajian daripada Mohamad Salleh Abdullah (2017) yang mendalami ilmu sistem penyampaian perkhidmatan wakaf berteraskan Islam (SPPWBI) mendapati antara perkara yang menunjangi SPPWBI adalah daripada komponen mekanisme. Beliau mendapati mekanisme SPPWBI secara keseluruhannya terdiri daripada bentuk kerjasama, pembiayaan pembangunan dan pelaburan, kawal selia dan agihan manfaat. Oleh yang demikian, *mutawalli* perlu bergerak lebih agresif dan berfikiran ke hadapan (Mohd Afendi Mat Rani, dan Che Zuina Ismail 2010). Hal ini kerana harta wakaf memiliki nilai ekonomi sekiranya digunakan secara produktif Kahf (2004), sekali gus mampu menepati mekanisme SPPWBI secara menyeluruh.

Penyampaian perkhidmatan ini perlu untuk terus dilaksanakan secara berkesan dan konsisten dari masa kesemasa agar masyarakat menjadi lebih cakna. Perkara ini berbangkit kerana kajian daripada Amirul Faiz Osman, Sheila Nu Nu Htay dan Mustafa Omar Muhammad (2012), telah menekankan bahawa rata-rata masyarakat mengenali dan memahami wakaf dalam konteks yang sempit. Tambahan mereka lagi, masyarakat umumnya tidak menyedari bahawa impak daripada sumbangan wakaf adalah lebih besar berbanding zakat dan sedekah.

Penutup

Secara tuntas, terdapat dua prinsip yang perlu ditekankan dalam pengurusan wakaf iaitu prinsip integriti dan prinsip akauntabiliti. Selain itu, bagi mengukuhkan keberkesanan tadbir urus tersebut perlu mempunyai elemen pelaksana yang mampu mempertingkatkan keyakinan *waqif* untuk berwakaf seperti perakaunan, pelaporan kewangan, kawalan dalaman, gerak kerja proaktif dan inovatif serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Selain mengambil contoh amalan tadbir urus korporat yang cekap dan profesional, penyertaan profesional yang aktif dalam pengurusan juga mustahak. Perkara ini membolehkan institusi wakaf dapat memastikan sifat bersemangat dikekalkan dari masa ke semasa. Erti kata lain, pelaksanaan sedemikian akan memperlihatkan *mutawalli* bukan sahaja bersikap telus dan patuh kepada peraturan syariah dalam menguruskan wakaf malah, mempamerkan jihad yang tinggi.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terhad melalui penelitian kajian dokumen sahaja. Disarankan untuk kajian masa hadapan melaksanakan kajian yang mempunyai pendekatan kuantitatif untuk menguji prinsip dan elemen yang telah diketengahkan daripada kajian ini di peringkat kajian lapangan terhadap responden-responden yang berkaitan.

Bibliografi

- Abul Hassan and Mohammad Abdus Shahid. (2010). *Management and Development of The Awqaf Assets*. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy.
- Alhabshi, Syed Othman. (1991). Waqf Management in Malaysia. In *The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asian Studies*, ed. Mohamad Ariff, 118-137. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Aliza Ramli, Fadzlina Fahmi, Faizah Darus & Nurlida Ismail. (2018). *Global Journal Al Thaqafah*, 8(1) 207-218. ISSN: 22320474.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. (1992). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. (1970). *Toward A History of Law in Malaya and Singapore*. Singapore: Stamford College Press.
- Amirul Faiz Osman, Sheila Nu Nu Htay & Mustafa Omar Muhammad. (2012). *Determinants of cash waqf giving in Malaysia: Survey of selected works*. Perbentangan kertas kerja di Seminar Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5), Medan, Indonesia.
- Amirul Faiz Osman, Mustafa Omar Muhammad & Aiman Fadzil. (2015). Factor influencing cash waqf giving behaviour: A revised theory of planned behaviour. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 33-48.
- Aminah Mohsin & Mohammad Tahir Sabit Hj Mohammad. (2015). The Effectiveness of Saham Waqf on Adequacy of Funds for Development Projects in Malaysia. *International Journal of Real Estate Studies*, 9(2), 16-37.
- Anan C. Mohd. (2015). Pembangunan Wakaf Menerusi Pendanaan Kerajaan Dan Kerjasama Institusi Kewangan Dan Korporat: Hala Tuju, Cabaran Dan Harapan. *Program Muzakarah Wakaf*, 1, 1–42.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil. (2013a). *Funding Higher Education In Malaysia: Corporate Waqf Model*, Waqf Workshop: Contemporary Role of Higher Education, Alor Star: Al-Bukhari International University.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil. (2013b). Corporate Waqf Model and Its Distinctive Features: The Future of Islamic Philanthropy. Paper presented at the World Universities Islamic Philanthropy Conference, Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.
- Baharudin Sayin. (1994). *Sistem Pentadbiran Wakaf Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia: Satu Kajian*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Cajee, Z. A. (2008). The Revival Of Waqf In Muslim Communities: Implementation Of The Recommendations Of The International Waqf Conference South Africa, Cape Town, 2007

- Isfahan, Iran. *Conference proceedings, International conference on waqf and Islamic civilization*, 243-278.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43–70.
- Coedes, G. (1968). *The Indianized State of South-East Asia*. London: The Athlone Press.
- Dahlia Ibrahim & Haslindar Ibrahim. (2013). Revitalising of Islamic Trust in institution through Corporate Waqf. Proceeding of the 4th International Conference on Business and Economic Research. 192-202.
- Danish, K. W. (1995). International Environment Law and The “Bottom-Up” Approach: A Review of the Desertification Convention. *Indiana Journal of Global Studies* 3(1).
- Dhaka Courier. (2011). *Better Governance in Islam*. Diakses daripada <http://old.dhakacourier.com.bd/better-governance-in-islam/> pada 27 Ogos 2019.
- Dalila Daud, Rashidah Abdul Rahman & Zaluddin Sulaiman. (2011). Waqf Reporting to Fulfill Stakeholder Attribution in Waqf Islamic Councils. *Business Management Quarterly Review (BMQR)*, 2, 38-53.
- Fuadah Johari, Nursila Ahmad, Mohammad Haji Alias, Syadiyah Abdul Shukor, Kalsom Abd Wahab, Muhammad Ridhwan Ab. Azizi, Zurina Kefeli @ Zulkefli, Fauzi Abu Hussin & Patmawati Ibrahim. (2018). An empirical study on awqaf endowers’ perception: Imperatives for awqaf institutions’ success. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 15(2), 66-79.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The Social Virtues and the Creation of Prosperity*. Free Press, New York.
- Gaudiosi, M. (1988). The influence of the Islamic law of waqf on the development of the Trust in England: The case of Merton College. *University of Pennsylvania Law Review*, 136(4), 1231–1261.
- Hasanuzzaman, S.M.H. (1991). *Economic Functions of an Islamic State*. The Islamic Foundation, United Kingdom.
- Haszliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatil Ismah Azizan. (2014). Pembangunan Dana Wakaf. Kajian Di Perbadanan Wakaf Selangor. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (PP. 105-114) di Kuala Lumpur.
- Ibn. Kathir al-Dimasyqi, Abi Fada’ al-Hafiz. (1992). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jilid 1 Beirut: Dar al-Fikr.
- Integriti dan akauntabiliti dalam perkhidmatan awam. (t.t). Diakses daripada https://www.pahang.gov.my/microsite/modules_resources/database_stores/5/51_22.pdf pada 15 September 2019.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014). *Pelan Integriti dan Kod Etika*. Putrajaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Khatab, S. (2002). Hakimiyah and Jahiliyyah in the thought of Sayyid Qutb. *Middle Eastern Studies* (2002) 38(3), 145-170. DOI: 10.1080/714004475.
- Maliah Sulaiman, Siti Alawiah Siraj & Shahul Hameed Mohamed Ibrahim. (2008). Internal Control Systems in West Malaysia’s State Mosques. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 25(1), 63-81.
- Maliah Sulaiman, Mohd Akhyar Adnan & Putri Nor Suad Megat Mohd Nor. (2009). Trust Me! A Case Study of the International Islamic University Malaysia’s Waqf Fund. *Review of Islamic Economics*, 13(1), 69–88.

- Maznah Zakaria, Mohamat Sabri Hassan & Radziah Abdul Latiff. (2014). Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9*, 9, 226–233.
- Merriam, S. B. A. (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis* (1st ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Afendi Mat Rani, dan Che Zuina Ismail. (2010). Penyewaan Tanah Wakaf Dari Perspektif Hukum Syarak Dan Amalannya Di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Syariah dan Undang-undang, Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*.
- Mohd Nahar Mohd Arshad & Mohamed Aslam Mohamed Haneef. (2016). Third Sector Socio-Economic Models: How Awaqf Fits In? *E- Journal UMI Institutions and Economies*, 8(2), 75-93.
- Mohamad Salleh Abdullah. (2017). *Sistem Penyampaian Perkhidmatan Wakaf Berteraskan Islam: Satu Kajian Teoretis*. Tesis: Tidak diterbitkan.
- Mohammad Tahir Sabit Mohammad. (2008). Sustaining the Means of Sustainability: The Need for Accepting Wakaf (Waqf) Assets in Malaysian Property Market. Paper presented at the *14th Annual Conference of the Pacific Rim Real Estate Society*, 20-23 January, Kuala Lumpur.
- Mohammad Zulfakhairi Mokhtar. (2016a). Melestari dana wakaf Pulau Pinang dalam Wan Norhaniza & Nurul Suhada Ismail (Eds). *Pembangunan Lestari Islam Konsep & Aplikasi, Pusat Kajian Pengajian Pembangunan Islam: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM)*. ISBN: 978-967-394-275-6.
- Mohammad Zulfakhairi Mokhtar. (2016b). Perceptions of Universiti Sains Malaysia Muslim Staff on Factors Influencing their Intention to Perform Cash Waqf. *Journal of Islamic Studies and Culture*. 4(2), 101-109.
- Monzer Kahf. (2004). Shari'ah and Historical Aspects of Zakah and Awqaf. Background paper prepared for *Islamic Research and Training Institute*, Islamic Development Bank, Jeddah.
- Muhamad Hazrin Sayuti. (2018). *Kaedah pelaksanaan pembangunan hartanah wakaf produktif Selangor*. Disertasi: Tidak diterbitkan.
- Muhammad Iqmal Hisham & Nathasa Mazna Ramli. (2015). A Case Study of Internal Control Practices in Islamic Non-Profit Organisations in Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 13–25. <https://doi.org/10.17576/ajag-2017-08-02>.
- Muhammad Yousof Jamil. (2015). Islamic Perspective of Leadership: A role model for today's CEOs. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 05(02), 24-45. DOI: 10.32350/jitc.52.03.
- Muhammad Zain Haji Othman. (1982). *Islamic law with special reference to the institution of waqf*. Kuala Lumpur: Percetakan Negeri.
- Murtala Oladimeji Abioye Mustafa, Muslim Har Sani Mohamad & Muhammad Akhyar Adnan. (2013). Antecedents of zakat payers' trust in an emerging zakat sector: an exploratory study. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 4(1), 4–25.
- Mustafa Hj Daud. (1991). *Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors. ISBN: 676101877, 9789676101877.
- Nazrul Hazizi Noordin, Siti Nurah Haron and Salina Kassim. (2017). Developing A Comprehensive Performance Measurement System for Waqf Institutions. *International Journal of Social Economics*, 44(7), 921–936. <https://doi.org/10.1108/IJSE-09-2015-0257>.
- Norman Hamdan, Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, & Asmaddy Haris. (2013). Accounting For Waqf Institutions : A Review On The Adaptation Of Fund Accounting In

- Developing The Shariah Compliant Financial Reports For Mosque. In UITM & IKAZ (Eds.), *Transforming Islamic Philanthropy For Ummah Excellence* (Vol. 2013). UITM.
- Noor Aimi Mohd Puad, Nurauliani Jamlus Rafdi & Wan Shahdila Shah Shahar. (2014). Issues and Challenges of Waqf Instrument: A Case Study In MAIS. In *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*. Synergizing Knowledge on Management and Muamalah. E-ISBN: 978-983-3048-92-2.
- Nuarrual Hilal Md. Dahlan & Abdul Rani Kamarudin. (2016). Wakaf in Malaysia: Its Legal Evolution and Development. *Shariah Law Reports 1*, 81-103.
- Nurul Asykin Mahmood & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2013). Potensi Wakaf Korporat Kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian Di Wakaf An-Nur Corporation. *Prosiding Perkem VIII, 1*, 383–396.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods*. 3rd edition. Sage Publications, Inc.
- Petrovits, C., C. Shakespeare, and A. Shih. 2011. “The Causes and Consequences of Internal Control Problems in Nonprofit Organizations.” *The Accounting Review*, 86(1), 325–57.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed & Nazifah Mustaffha (2017). Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8(Special Issue), 49–58. <https://doi.org/10.17576/ajag-2017-08si-05>.
- Rabiah Harun, Zuraidah Mohamed Isa & Norhidayah Ali. (2012). Preliminary Findings on Waqf Management Practices among Selected Muslim Countries. *International Conference on Economics Marketing and Management*, 28, 117–120.
- Razali Othman. (2001). *Pengurusan dan Pembangunan Institusi Wakaf: Kajian Kes di Negeri Selangor*. MBA Tesis (Tidak diterbitkan), Pusat Pengajian Perniagaan Siswazah, UKM, Bangi.
- Rosnia Masruki & Zurina Shafii. (2013). “The Development of Waqf Accounting In Enhancing Accountability”, *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13(13), 1-6. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.1873>.
- Muhammad Yusuf Saleem. (2010). Mutawalli Institutions For The Management Of Waqf Properties. *Malaysia Law Journal 4* (MLJ cxiv).
- Sargeant, A., & Lee, S. (2004). Donor Trust and Relationship Commitment in the U.K. Charity Sector: The Impact on Behaviour. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 33(June), 185–202. <https://doi.org/10.1177/0899764004263321>.
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed. (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara : Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia Wakaf Institutions and National Economic Development : A Case on Wakaf Land Development in Malaysia. *Prosiding PERKEM VI, 1*, 138–147.
- Shahrina Romli. (2018). Kekangan Permasalahan Tadbir Urus Dalam Memantapkan Institusi Wakaf: Sorotan Literatur. *Journal of Law & Governance 1*(1), 101-109.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader. (2016). Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-undang. *Kanun*, 28(1), 101-126.
- Sohaimi, H. M. S., & Syarqawi, M. (2008). Wakaf Development in Malaysia: Issues and Challenges. *Jurnal Pengurusan JAWHAR 1*(1).
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). Perundangan Wakaf dan Isu Berbangkit. *Konvensyen Wakaf Kebangsaan Anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, The Legend Hotel, Kuala Lumpur*.
- Siti Sarah Ibrahim, Abd Halim Mohd Noor, Sharfizie Mohd Shariff & Nurhanani Aflizan Mohamad Rusli. (2016). Analysis Of Corporate Waqf Model In Malaysia: An Instrument

- Towards Muslim's Economic Development. *International Journal of Applied Business and Economic Research* (2016) 14(5) 2931-2944. ISSN: 09727302.
- Snip, B. (2011). *Factors Influencing The Intention To Endow To Charity Organizations: Importance Of Trust*. Tesis Master. Faculty of Behavioral Sciences, University of Twenty.
- Stibbard, P., Russell, D., & Bromley, B. (2012). Understanding The Waqf In The World of The Trust. *Trusts & Trustees*, 18(8), 785–810. <https://doi.org/10.1093/tandt/tts087>.
- Syadiyah Abdul Shukor, Intan Fatimah Anwar, Sumaiyah Abdul Aziz & Hisham Sabri. (2017). Muslim Attitude Towards Participation In Cash Waqf: Antecedentand Consequences. *International Journal of Business and Society*, Vol. 18 (S1), 193-204.
- Toraman, C., Tuncsiper, B. & Yilmaz, S. 2007. Cash Awqaf In The Ottoman As Philanthropic Foundations And Their Accounting Practices. *The Journal of Accounting and Finance*, 1-19.
- Torres-Moraga, E., Pina, V., Vasques-Parraga, A., & Barra, C. (2010). Antecedents of Donor Trust in an Emerging Charity Sector: the Role of Reputation, Familiarity, Opportunism and Communication. *Financial Accountability & Management*, 29(3), 265–285.
- Yayla, H. E. (2007). Operating Regimes Of The Government: Accounting And Accountability Changes In The Sultan Süleyman Waqf Of The Ottoman Empire (The 1826 Experience). *Accounting History*, 16(1), 5–34. <https://doi.org/10.1177/1032373210389320>.
- Zulkifli Hasan & Muhammad Najib Abdullah. (2008). The Investment Of Waqf Land As An Instrument Of Muslim' Economic Development In Malaysia. *In the Dubai International Conference on Endowments' Investment, organized by Awqaf and Minors Affairs Foundation, Dubai, the United Arab*.